
 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	PEJABAT PENDAFTAR	PP/HCM/PPS/08 Tarikh kuatkuasa : 07.12.2016 Edisi : 1 Pindaan : 0 Muka : 1/7
	PROSEDUR PELANTIKAN STAF KONTRAK TABUNG (SELF FINANCE)	

PROFIL PINDAAN

Edisi	No. Pindaan	No. BPD	Ringkasan Pindaan Dokumen	Disediakan Oleh	Disahkan Oleh	Tarikh Kuatkuasa
1	0	-	Dokumen Baru	TP(J)	TPK(HCM)	07.12.16

Dokumen lengkap boleh didapati di dalam Borang Pindaan Dokumen mengikut nombor berkaitan, dan tersimpan di Unit Kawalan Dokumen Pengurusan Kualiti, Pejabat Pendaftar

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	PEJABAT PENDAFTAR	PP/HCM/PPS/08
	PROSEDUR PELANTIKAN STAF KONTRAK TABUNG (SELF FINANCE)	Tarikh kuatkuasa : 07.12.2016 Edisi : 1 Pindaan : 0 Muka : 2/7

^A^

1.0 TUJUAN

Prosedur ini disediakan untuk menerangkan urusan pengambilan dan pelantikan staf kontrak lantikan tabung fakulti/bahagian di UTM.

2.0 SKOP

Prosedur pengambilan dan pelantikan staf meliputi:-

- 2.1 Staf Kumpulan Akademik (Warganegara/Antarabangsa)
- 2.2 Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Warganegara/Antarabangsa)
- 2.3 Staf Kumpulan Pelaksana


3.0 SUMBER RUJUKAN

- 3.1 Skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang berkaitan di UTM
- 3.2 Perintah Am dan Arahan Pentadbiran
- 3.3 Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan
- 3.4 Garis Panduan Pengambilan & Pelantikan Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (PPP)
- 3.5 Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana
- 3.6 Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Kumpulan Pengurusan dan Pengurusan Profesional

4.0 DEFINISI

4.1 Staf Akademik

Tenaga pengajar Universiti yang meliputi jawatan Profesor (Gred Khas VK5/VK6/VK7) dan Profesor Madya (Gred DS53/DS54), Pensyarah Kanan (Gred DS51/52), Pensyarah (Gred DS45) dan Guru Bahasa (Gred 41/44/48/52/54).

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	PEJABAT PENDAFTAR	PP/HCM/PPS/08
	PROSEDUR PELANTIKAN STAF KONTRAK TABUNG (SELF FINANCE)	Tarikh kuatkuasa : 07.12.2016 Edisi : 1 Pindaan : 0 Muka : 3/7

4.2 Kumpulan Pengurusan Profesional

Staf Kumpulan Pengurusan Profesional Gred 41 hingga 54 yang mempunyai kelayakan masuk Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah berdasarkan skim perkhidmatan.

4.3 Kumpulan Pelaksana

Staf Kumpulan Pelaksana Gred 11 hingga 40 yang mempunyai kelayakan masuk Darjah Enam (6), Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, Sijil-sijil lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Diploma berdasarkan skim perkhidmatan..

4.4 Kertas Kerja/Minit Mesyuarat Pengurusan Universiti

Kertas kerja pewujudan jawatan yang telah diluluskan oleh pengurusan Universiti.

4.5 Sistem Maklumat Staf

Sistem komputer yang mengandungi maklumat/data staf yang boleh dicapai melalui katakunci (*password*).

4.6 Surat Pekeliling Perbendaharaan

Surat pekeliling dari Perbendaharaan yang menjelaskan dasar-dasar belanjawan Kerajaan.

4.7 Maklumat Perangkaan Perjawatan Staf Universiti


Taburan dan pengisian jawatan tetap/kontrak/semntara di Fakulti/Bahagian yang dikemaskini setiap bulan oleh Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

4.8 Skim Perkhidmatan

Terma dan syarat-syarat lantikan bagi sesuatu jawatan.

4.9 Perintah Am & Arahan Pentadbiran

Peraturan yang diterimapakai oleh jabatan kerajaan termasuk Badan Berkanun dalam urusan hal ehwal perkhidmatan staf.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	PEJABAT PENDAFTAR	PP/HCM/PPS/08
	PROSEDUR PELANTIKAN STAF KONTRAK TABUNG (SELF FINANCE)	Tarikh kuatkuasa : 07.12.2016 Edisi : 1 Pindaan : 0 Muka : 4/7

4.10 Pekeliling Perkhidmatan

Pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dari masa ke semasa.

4.11 Surat Pekeliling Perkhidmatan

Surat pemakluman mengenai maklumat tambahan atau pindaan yang dibuat pada pekeling perkhidmatan dari masa ke semasa.

4.12 Jawatankuasa Pemilih

4.12.1 Jawatankuasa Pemilih Bagi Pelantikan Ke Suatu Jawatan Kursi Dan Ke Jawatan Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan

4.12.2 Jawatankuasa Pemilih Bagi Jawatan Guru Selain Jawatan Kursi

4.12.3 Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan Profesional

4.12.4 Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pelaksana

Jawatankuasa yang memberi nasihat dan perakuan kepada Pihak Berkuasa Melantik untuk melantik seseorang dalam perkhidmatan Universiti.

4.13 Jawatankuasa Pengurusan Universiti


Pihak Berkuasa Melantik yang meluluskan perakuan pelantikan staf Akademik dan Pengurusan Profesional dan Pelaksana (PPP). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Canselor dengan keahliannya terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni), Pendaftar, Ketua Pustakawan dan Bendahari.

4.14 Staf Antarabangsa

Staf Antarabangsa Malaysia yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan tinggi dalam bidang tertentu.


4.15 Senarai Pendek

Calon-calon yang telah dikenalpasti menepati syarat kelayakan untuk urusan temuduga.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	PEJABAT PENDAFTAR	PP/HCM/PPS/08 Tarikh kuatkuasa : 07.12.2016 Edisi : 1 Pindaan : 0 Muka : 5/7
	PROSEDUR PELANTIKAN STAF KONTRAK TABUNG (SELF FINANCE)	


5.0 SINGKATAN

- | | | | |
|------|-------------|---|---------------------------------------|
| 5.1 | JPA | - | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| 5.2 | UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |
| 5.3 | BSM | - | Bahagian Sumber Manusia |
| 5.4 | TPK | - | Timbalan Pendaftar Kanan |
| 5.5 | TP (J) | - | Timbalan Pendaftar (Perjawatan) |
| 5.6 | PPK (J) | - | Penolong Pendaftar Kanan (Perjawatan) |
| 5.7 | PT(P/O) | - | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) |
| 5.8 | <i>Std.</i> | - | <i>Standard</i> |
| 5.9 | SMS | - | Sistem Maklumat Staf |
| 5.10 | JP | - | Jawatankuasa Pemilih |
| 5.11 | JPU | - | Jawatankuasa Pengurusan Universiti |
| 5.12 | LPU | - | Lembaga Pengarah Universiti |

	PEJABAT PENDAFTAR	PP/HCM/PPS/08
	PROSEDUR PELANTIKAN STAF KONTRAK TABUNG (SELF FINANCE)	Tarikh kuatkuasa : 07.12.2016 Edisi : 1 Pindaan : 0 Muka : 6/7

KETERANGAN PROSEDUR

Pegawai Bertanggungjawab	Tindakan
PP(PSM) PTJ	1. PTJ mengadakan sesi temuduga mengikut prosedur pengambilan staf UTM dan skim perkhidmatan yang berkuatkuasa.
PP(PSM) PTJ	2. PTJ menyediakan kertas kerja permohonan pengisian jawatan lengkap dari fakulti/bahagian termasuk butiran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Justifikasi keperluan kritikal pengisian jawatan ii) Jawatan yang perlu diisi iii) Bilangan jawatan yang perlu diisi iv) Implikasi kewangan v) Nama tabung vi) Nombor vot tabung vii) Nombor <i>chargeline</i> Baki vot tabung setelah ditolak <i>committed expenditure</i> viii) Surat pengesahan baki vot tabung dari Pejabat Bendahari x) Maklumat peribadi calon dan curriculum vitae calon berserta sijil-sijil calon <p>Nota: Kertas kerja perlu dikemukakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pelantikan dibuat.</p>
PPK(J), PT(P/O)	3. Menerima kertas kerja permohonan pengisian jawatan lengkap dengan justifikasi keperluan pengisian jawatan dari fakulti/bahagian berserta cabutan minit JPU yang menunjukkan kelulusan jawatan dan maklumat calon yang telah diperakukan oleh panel temuduga di peringkat fakulti/bahagian.
PPK(J), PT(P/O)	4. Menyemak skim perkhidmatan dan syarat pelantikan untuk jawatan yang perlu diisi mengikut pekeliling perkhidmatan terkini. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Skim Perkhidmatan

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	PEJABAT PENDAFTAR	PP/HCM/PPS/08
	PROSEDUR PELANTIKAN STAF KONTRAK TABUNG (SELF FINANCE)	Tarikh kuatkuasa : 07.12.2016 Edisi : 1 Pindaan : 0 Muka : 7/7

Pegawai Bertanggungjawab	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarat pelantikan ▪ Dasar-dasar pengambilan staf akademik dan Pengurusan Profesional dan Pelaksana yang diluluskan oleh Pengurusan Universiti ▪ Dokumen sokongan yang dilampirkan (lengkap /tidak lengkap)
PPK(J), PT(P/O)	5. Membawa kertas kerja cadangan pelantikan yang telah diperakukan oleh panel temuduga di peringkat fakulti/bahagian untuk kelulusan Jawatankuasa Pemilih yang berkaitan.
PPK(J), PT(P/O)	6. Mengeluarkan surat tawaran kepada calon yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilih yang berkaitan mengikut tempoh dan syarat pelantikan UTM.

